

PM: Kerajaan bertanggungjawab lahirkan masyarakat *ulul al-bab* um - 16/11/2006

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan prasarana dan membekalkan kemudahan untuk melahirkan masyarakat *ulul al-bab*, iaitu masyarakat yang mampu menghadapi dunia moden.

Menurutnya, program pembangunan akal untuk membangunkan masyarakat *ulul al-bab* - barisan insan yang berupaya menganalisis, menguasai sains, memahami falsafah dan menguasai teknologi - adalah satu kewajipan untuk membolehkan

kan ummah mendaki tangga kemajuan hingga sampai ke puncak kejayaan.

Pembangunan modal insan tersebut yang merupakan gagasan kerajaan dan parti, kata Presiden UMNO itu, dilaksanakan melalui program pendidikan berkualiti dan holistik untuk memperlengkapkan warga Malaysia.

Tambah Abdullah, gagasan itu akan membolehkan rakyat Malaysia menghadapi dunia global, disusuli dengan kelahiran masyarakat kreatif dan inovatif yang menjadi komponen kepada barisan

warga berfikiran serta berbudaya kelas pertama.

"Kita memerlukan barisan warga yang menguasai pengetahuan, ilmu, kemahiran dan maklumat," katanya dalam ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Presiden UMNO itu yang membaca surah Ali 'Imran, ayat 190, menekankan bahawa ayat tersebut menuntut umat memperlengkapkan minda agar manusia memiliki keupayaan menghadapi dunia moden.